

Headline	Kementerian lulus penubuhan FRIM Inc		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	04 Sep 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	13	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	426 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,763
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,289



# Kementerian lulus penubuhan FRIM Inc

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Kewangan telah meluluskan penubuhan FRIM Inc. bagi memajukan dan membangunkan hasil penyelidikan dalam sektor perhutanan, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata, dengan kelulusan yang diperoleh 4 Ogos lalu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dapat menjana pendapatan sendiri melalui pengkomer-

silan produk penyelidikan dan pembangunan yang dijalankannya.

Ini secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan, katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Raya Korban Perdana kementerian itu di Masjid Jamek FRIM di sini semalam.

Pada 7 April tahun lepas, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang FRIM 2016 yang antara lain mem-

benarkan institut itu menubuhkan atau memajukan syarikat untuk memperkuatkannya menjadi satu badan pihak berkuasa bagi mengkomersil dan mengurus program atau projek berkaitan bidang penyelidikan hutan.

Sementara itu, Ketua Penggarah FRIM Datuk Dr Abd Latif Mahmud berkata kira-kira 150 produk berpotensi akan dikomersilkan pada peringkat awal.

Beliau berkata 15 produk terbaik disasarkan berada di

pasaran tahun depan dengan jangkaan pendapatan antara RM150 juta dan RM200 juta selepas tiga tahun di pasaran.

“Kita tubuhkan pasukan khas bagi membantu memastikan produk-produk ini berjaya dipasarkan dan menembusi pasaran antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata produk berpotensi ialah perabot dari pada hasil hutan, terutamanya yang diusahakan pengusaha Bumiputera. — Bernama



**AGIH:** Wan Junaidi (empat kanan) mengagihkan daging korban di Masjid Jamek Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Kepong, di ibu negara semalam. Turut hadir Hamim Samuri (tiga kanan). — Gambar Bernama